

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
FALKULTI SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR
JABATAN SENIBINA DALAMAN
JULAI 2005 - NOVEMBER 2005

Adalah disyorkan bahawa kajian akhir ini yang disediakan

oleh:

NORSHAMSYNAR BINTI ISHAK
2002286088

bertajuk

LAPORAN

**CADANGAN MEREKABENTUK DALAMAN KEDAI UNTUK BUTIK
PENGANTIN DI PUSAT MEMBELI BELAH, LOT 65, 66 DAN 67, ARAS
3, BERJAYA TIMES SQUARE, NO 1, JALAN IMBI, 55100 KUALA
LUMPUR UNTUK TETUAN BILL KEITH.**

Diterima sebagai memenuhi sebahagian dari syarat untuk memperolehi

Diploma Rekabentuk Dalaman

Penyelia : EN IZAT BUKHARY ISMAIL BUKHARY

Koordinator : CIK MAWAR BINTI MASRI

Ketua Kursus : PN RAMLAH BINTI ALWI

(Nama)

(tandatangan/tarikh)

PENGHARGAAN

Syukur kehadrat Illahi kerana dengan limpah kurniaNya dapat sudah saya menyiapkan laporan kajian akhir untuk matapelajaran **THESIS IND 386** ini Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada keluarga saya yang telah banyak memberikan sumbangan kepada saya selama ini.

Seterusnya kepada para pensyarah yang terlibat dalam menjayakan projek ini iaitu Cik Mawar Binti Masri selaku koordinator subjek IND 383 ini. Seterusnya kepada En. Izat Bukhary Bin Ismail Bukhary sebagai penyelia saya sepanjang menjalankan laporan kajian ini. Beliau juga selaku pensyarah subjek interior design. Ribuan terima kasih kepada semua pensyarah yang terlibat ,segala pengorbanan kalian moga Tuhan akan membalaunya.

Tidak lupa kepada semua rakan seperjuangan yang telah banyak menolong dan juga memberikan sumbangan samada dalam bentuk idea, material ,nasihat dan juga segala jenis pertolongan sepanjang saya menjalankan tugas ini. Ribuan terima kasih juga kepada pereka fesyen terkenal iaitu Bill Keith yang sanggup bekerjasama dalam memberikan segala maklumat yang dikehendaki dan juga tidak lupa kepada pihak Berjaya Times Square yang telah sudi memberikan kerjasama kepada saya dalam mendapatkan tapak projek ini.

Sekali lagi ucapan terima kasih kepada semua yang telah terlibat sepanjang proses pembikinan laporan kajian akhir ini yang telah berjalan dengan lancar. Sekian terima kasih.

ABSTRAK

Dalam menjalankan suatu rekabentuk penggunaan elemen-elemen yang bersesuaian amat penting bagi memastikan suatu rekabentuk itu berjaya sepenuhnya. Ini kerana dengan kombinasi elemen tersebut mampu menghasilkan suatu rekabentuk yang menarik dan mempunyai fungsi dan nilai yang berjaya.

Disamping itu perlu dipastikan agar elemen tersebut mempunyai kesinambungan dengan konsep dan imej agar ia tidak terpesong jauh dari apa yang ingin disampaikan.

Butik ini ditubuhkan sebagai satu usaha untuk menghidupkan kembali suatu nilai yang begitu berharga dan sebagai satu cara untuk membantu klien untuk memperkembangkan objektif penubuhannya unruk memperkembangkan rekaan pakaian pengantin beliau.

Diharapkan agar ianya mampu untuk membuka mata masyarakat kita berkaitan dengan rekaan ini dan juga memperkembangkan lagi minda para pereka fesyen dinegara kita untuk terus berdaya saing lagi.

Seterusnya diharapkan juga dengan rekaan butik ini mampu menarik minat masyarakat untuk mengunjunginya dan menjadikannya sebagai satu sumber rujukan untuk generasi masa kini yang sedang menuju ke alam perkahwinan.

ISI KANDUNGAN

MUKA SURAT

ISI KANDUNGAN	i-iv
SENARAI RAJAH	v
SENARAI JADUAL	vi
SENARAI FOTO	vii
PENGHARGAAN	viii-ix
ABSTRAK	x

ISI KANDUNGAN

BAB 1.0 PENGENALAN	1
1.1 PENGENALAN KAJIAN	
1.1.1 MATLAMAT	2
1.1.2 OBJEKTIF	2
1.1.3 METODOLOGI	3
1.1.4 KEPENTINGAN KAJIAN	4
1.2 PELANGGAN	
1.2.1 LATARBELAKANG PELANGGAN	
1.2.1.1 Profil Sejarah Penubuhan	5
1.2.1.2 Sejarah Penubuhan	5
1.2.2 LOGO	6
1.2.3 CARTA ORGANISASI	7

BAB 1.0 PENGENALAN

Mengikut arus peredaran semasa, sekarang ini ramai bakal pengantin lebih gemar memilih majis yang bercita rasakan moden kerana ia nampak begitu romantis. Perkahwinan zaman sekarang jauh berbeza dengan perkahwinan zaman dahulu. Meniti hari menjadi raja sehari pastinya menjadi hari-hari yang begitu mendebaran. Bukan sangat memikirkan bagaimana alam rumah tangga bakal dilalui tetapi tentunya lebih kepada kekalutan dan kerisauan tentang persiapan majlis. Majlis pula bukannya sekali. Majlis akad nikah, berinai, bersanding, acara potong kek dan bertandang. Majlis di bandar dan di kampung banyak perbezaannya. Bukan soal bajet kerana tidak semestinya buat di kampung belanjanya murah. Selalunya perkahwinan di bandar, majlis mengikut atur cara. Segalanya perlu berjalan teratur apa lagi jika dibuat di hotel atau dewan. Bagi menjalankan projek semester akhir ini saya telah memilih satu projek untuk mewujudkan satu butik pakaian pengantin. Untuk melengkapkan lagi kajian ini saya telah memilih Bill Keith sebagai klien utama dan juga yang mampu memberi sentuhan ekspresi dan kenangan dalam ruang butik pengantin juga sebagai sumber rujukan untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan kehendak projek yang akan dijalankan. Ini adalah kerana rekaan pakaian pengantin beliau menekankan rekaan lama yang telah di modenkan. Cadangan untuk merekabentuk dalaman kedai untuk busana pengantin di pusat membeli belah Berjaya Times Square, No 1, Jalan Imbi, 55100 Kuala Lumpur untuk tetuan Bill Keith.